



**Untuk Siaran Segera
24 Februari 2025**

1 JUTA PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AKAN MENERIMA MANFAAT PROGRAM CELIK MADANI

*Sumbangan pelaburan awal sebanyak RM50 juta daripada Kerajaan
Malaysia dan PNB sepanjang program 5-tahun*

Kuala Lumpur, 24 Februari 2025: – Seramai satu (1) juta pelajar Institusi Pengajian Tinggi akan menerima pelaburan awal percuma sebanyak RM50 dan alat literasi kewangan menerusi program Celik MADANI, satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dan tabiat menabung dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia.

Celik MADANI: Celik Kewangan Belia MADANI, program lima tahun yang akan dilaksanakan bermula 1 Mac 2025 hingga 28 Februari 2030, kali pertama diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) pada 22 Ogos 2024.

Program yang diuruskan oleh syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) ini menyasarkan untuk memberi manfaat kepada kira-kira 200,000 pelajar setiap tahun bagi tempoh sepanjang lima tahun akan datang.

Fasa pertama program ini akan melibatkan pelajar semester pertama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Universiti Berkaitan Kerajaan (GLU) terpilih yang akan menerima pelaburan awal sebanyak RM50 yang dikreditkan ke

dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) mereka dan dikunci selama lima tahun.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II berkata, "Pelaburan awal sebanyak RM50 unit amanah ini dibiayai melalui sumbangan bersama antara PNB dan Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM50 juta untuk pengagihan sepanjang tempoh program lima tahun.

"Program ini selaras dan menyokong objektif rangka kerja Ekonomi MADANI untuk meningkatkan literasi kewangan dan memperluas akses kepada peluang ekonomi bagi generasi muda, di samping memperkuatkan asas ekonomi domestik," menurut beliau lagi.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II hadir menyaksikan majlis penyerahan Memorandum Perjanjian (MOA) Program Celik MADANI, satu kerjasama literasi kewangan strategik yang melibatkan PNB/ASNB, 20 IPTA, dan empat GLU yang diadakan di Menara Merdeka 118, di sini hari ini.

Turut hadir, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT); YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Kumpulan PNB; Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Encik Hirman Awang, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Perkasa Siswa, KPT; Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor universiti-universiti yang terlibat.

Perjanjian ini membolehkan ASNB menyelaras inisiatif Celik MADANI dengan IPTA dan GLU yang mengambil bahagian serta mengawasi pengurusan keseluruhan kempen dan program literasi kewangan.

"Kami berharap Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor daripada 20 IPTA dan GLU terpilih ini akan sama-sama menyumbang untuk mempromosikan

dan menggalakkan pelajar untuk menabung setiap bulan dan memperkasakan mereka untuk membuat keputusan kewangan yang bijak."

"Pelajar mesti digalakkan untuk terus menabung. Walaupun serendah RM20 sebulan, ia akan membantu meningkatkan simpanan mereka dalam tempoh empat hingga lima tahun kepada jumlah yang sewajarnya, menjadikan mereka lebih yakin dan bersedia apabila mereka tamat pengajian," tambah YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah.

Sementara itu, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB berkata, "Celik MADANI adalah komponen utama program literasi kewangan PNB selain daripada Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) yang diadakan di peringkat sekolah. Ia bertujuan untuk meningkatkan dan memupuk kesejahteraan kewangan semua rakyat Malaysia dan selaras dengan Matlamat kami, untuk mengukuh keududukan kewangan rakyat merentas generasi."

"Ia adalah langkah transformasi ke arah menyediakan belia kita dengan pengetahuan dan kemahiran literasi kewangan yang ternyata sekali penting. Pelaburan awal dalam ASB atau ASM akan membolehkan pelajar merancang dan membuat pilihan kewangan yang lebih bijak, memastikan masa depan yang lebih cerah dan terjamin untuk diri mereka. Pengetahuan yang diperoleh melalui program ini juga akan menjadikan mereka lebih matang ketika membuat keputusan yang lebih besar dalam kehidupan dewasa nanti," menurut beliau lagi.

Antara IPTA yang mengambil bahagian dalam fasa pertama adalah: Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Universiti Teknologi MARA. Manakala empat GLU yang terpilih untuk program ini adalah Universiti

Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Kuala Lumpur, dan Universiti Multimedia.

Fasa kedua program Celik MADANI yang melibatkan institusi pengajian swasta dan vokasional terpilih juga akan dilaksanakan.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad